

# Psoriasis tak berjangkit

Metro 5/2/12 MS 4

Penyakit disebabkan proses penggantian kulit dalam tiga atau empat hari berbanding individu normal 30 hari

>>Oleh HIDAYATUL AKMAL AHMAD  
hidayatulakmal@hmetro.com.my

**R**ENDAH DIRI, malu, tertekan dan terasing. Itulah antara masalah dialami pesakit kulit psoriasis. Ada ketika sewaktu penyakit menyerang, perasaan tidak mahu langsung berjumpa dengan orang ramai membuak-membuak dalam diri.


Apabila penyakit menyerang, kulit pesakit menjadi berbintik atau membengkak, bertompok merah dan kulit pada bahagian berkenaan akan menebal serta keras. Ada kalanya tompokan sel ini berubah menjadi hitam akibat kehadiran melanin.

Dalam masa beberapa hari, kulit tebal menjadi tua dan apabila sel mati, ia tertinggal sendiri sebagai kepingan putih berkilat. Bahagian kulit yang tebal ini juga akan terasa gatal dan panas, seolah-olah terbakar.

Perunding Dermatologi dan Pakar Bedah Laser, Dr Mohd Noh Idris, berkata



**KES TERUK...** jangkitan psoriasis merebak ke seluruh badan.



**Tahap jangkitan psoriasis bermula daripada tompok kecil pada satu bahagian hinggalah ke keseluruhan**

tama kepada 10 hingga 30 peratus pesakit yang juga mungkin mengalami artritis psoriatik.

Dianggarkan 10 hingga 15 peratus pesakit muda mula mengalami masalah kulit sebelum berumur 10 tahun dan tahap serangan psoriasis ditentukan berdasarkan keadaan fizikal dan keluasan kulit yang mengalami keradangan.

Ia juga mengakibatkan kesan buruk terhadap penyakit kronik lain, misalnya kemurungan, bengkak jantung (myocardium infarction), hipertensi, kegagalan jantung kongestif atau kencing manis.

Pesakit yang menghidapi psoriasis teruk juga menunjukkan jangka hayat lebih pendek. Dr Noh turut menambah, ramai masih keliru dan takut kepada penyakit ini.

Sebenarnya ia tidak berjangkit. Orang ramai tidak perlu risau jika berdepan kawan atau saudara-mara kerana mereka juga seperti individu lain.

psoriasis disebabkan proses penggantian kulit berlaku terlalu cepat, iaitu dalam masa tiga atau empat hari, berbanding individu normal yang mengambil masa kira-kira 30 hari.

“Psoriasis ialah penyakit yang tidak boleh sembuh, namun rawatan jangka panjang mampu mengawal penyakit ini. Ada kala ia wujud dan ada masanya tidak. Ia berlaku disebabkan faktor keturunan, misalnya jika ibu atau bapa menghidap penyakit sama, kebarangkalian anak mendapat penyakit itu mencecah 30 peratus.

“Kepala, siku, lutut, tubuh badan dan muka pula antara bahagian yang sering diserang psoriasis, malah dianggarkan 30 peratus penyebab kepada penyakit sendi,” katanya ketika ditemui di klinik pakar kulit miliknya.

Jelasnya, punca sebenar psoriasis masih tidak diketahui hingga kini, tetapi ia dipercayai mempunyai komponen genetik tinggi.

Faktor lain menjadi penyebab psoriasis bertambah buruk termasuk tekanan perasaan, berhenti mengambil kortikosteroid, pengambilan alkohol berlebihan, jangkitan kuman di tekak, kecederaan kulit dan tindak balas ubat-ubatan tertentu seperti lithium, betablocker, chloroqui-

ne dan iodides.

“Tahap jangkitan psoriasis bermula daripada tompok kecil pada satu bahagian hinggalah ke keseluruhan permukaan badan. Psoriasis menyebabkan tompok bersisik dikenali sebagai plak psoriatik dan ia bahagian keradangan dengan pengeluaran kulit berlebihan.


“Seterusnya kulit menjadi tebal dan keras di kawasan radang ini serta mengakibatkan sel mati berwarna perak. Ia sering didapati di siku, lutut, tetapi juga boleh dijangkiti di mana-mana bahagian badan, termasuk kulit kepala, punggung, tapak kaki dan kemaluan,” katanya.

Psoriasis jarang berlaku pada muka. Sesiapa saja tanpa mengenal jantina dan umur boleh diserang penyakit ini. Begitu pun, biasanya ia berlaku buat pertama kalinya pada umur 15 hingga 25 tahun.

Luka radang pula boleh mengakibatkan kepedihan, kegatalan dan kelihatan hodoh. Malah, psoriasis menyerang fizikal dan emosi pesakit.

Apabila ia berlaku, kulit menjadi merah, tebal (akibat berlebihan sel), keras dan menggelupas sebelum tanggal sebagai kepingan nipis berwarna putih keperangan.

Ada kala ia juga menye-



**BERMASALAH...** jangkitan psoriasis ke tapak tangan boleh mengganggu fungsi dan mengancam cara hidup.

babkan kulit menjadi gatal dan membuatkan pesakit sering menggaru hingga berdarah. Gejala ini juga bergantung kepada tahap dan bahagian yang diserang psoriasis.

Pesakit juga mungkin mengalami ketidakelesaan dan kecacatan fizikal kecil atau besar. Kegatalan dan kesakitan boleh mengganggu fungsi asas seperti penjagaan diri, berjalan dan tidur.

Setengah pesakit psoriasis juga alah kepada cahaya matahari. Jika terdedah kepada cahaya, warna kulit kulit

akan berubah menjadi merah jambu, tidak ubah seperti warna ikan salmon, manakala plak yang timbul pada bahagian tangan dan kaki juga mungkin menyebabkan pergerakan individu terbatas, terutama dalam bersukan, malah aktiviti riadah.

Plak yang tumbuh di bahagian kulit kepala pula boleh menjadi perkara memalukan disebabkan kepingan bersisik yang boleh menjadi kelemumur.

Individu yang mengalami psoriasis mungkin berasa malu mengenai diri mereka

**ke keseluruhan badan. Psoriasis menyebabkan tompok bersisik dikenali sebagai plak psoriatik dan ia alami keradangan dengan pengeluaran kulit berlebihan. Seterusnya kulit menjadi tebal dan keras”**

>Dr Mohd Noh Idris  
Perunding Dermatologi

dan mempunyai rasa rendah diri bimbang dijauhi masyarakat atau kebimbangan mengenai psikoseksual.

Kajian dilakukan Yayasan Psoriasis Kebangsaan Amerika Syarikat bersama 426 pesakit psoriasis pada 2008 menunjukkan, 71 peratus menganggap penyakit ini menjadi masalah besar dalam kehidupan seharian mereka.

Pada masa sama, kajian berasingan melaporkan psoriasis juga memberi kesan terhadap kualiti kehidupan berasaskan kesihatan, teru-

“Psoriasis bukan penyakit berjangkit dan ini satu fakta penting yang perlu disebarkan kepada umum supaya tanggapan dan kebimbangan mengenai penyakit itu dapat diperbetulkan.

“Mengenai rawatan, pesakit biasanya diberi krim dan ubat makan bergantung kepada tahap keterukan masing-masing. Methotrexate, Acitretin, Cyclosporine adalah ubat makan yang biasa diberikan kepada pesakit oleh pakar penyakit kulit.

“UVB phototherapy juga digunakan untuk merawat psoriasis. Jika masih tidak terkawal, Biologics digunakan,” katanya.

### Jenis psoriasis

- Paling lazim ialah plaque psoriasis
- Guttate psoriasis
- Jenis teruk yang memerlukan rawatan di hospital dipanggil erythrodermic psoriasis dan pustular psoriasis

### Mitos umum mengenai psoriasis:

**Mitos:** Psoriasis berjangkit.

**Fakta:** Psoriasis, terutama dalam bentuk sederhana atau teruk, mudah kelihatan pada permukaan kulit. Disebabkan pertumbuhan abnormal sel kulit, tompok merah bersisik di kulit akan kelihatan.